

UMNO tidak akan berpecah — Dr. M

U.M. = 7 SEP 1993

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR dan ROZAMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 6 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin UMNO tidak akan berpecah berikutan pemilihan parti November ini kerana ahli-ahlinya sudah cukup matang setelah mengharungi krisis yang lebih teruk dahulu.

Atas alasan ini beliau percaya perpecahan akan dapat dielakkan.

"Saya berpendapat pertandingan kali ini tidak sehebat pertandingan yang lepas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) UMNO selama hampir tiga jam, di sini hari ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, berkata, parti itu pernah melalui krisis yang lebih teruk daripada pemilihan

parti kali ini, tetapi berjaya mengharunginya.

Beliau menjawab pertanyaan mengapa MT UMNO sendiri tidak campurtangan bagi mengelakkan pertandingan jawatan Timbalan Presiden untuk menghindari kemungkinan parti itu berpecah belah akibat pertandingan yang sengit.

Katanya, memandangkan jawatan Presiden setakat ini tidak dicabar, ini akan membolehkan beliau menjadi ejen untuk memastikan UMNO tetap bersatu selepas pemilihan itu.

Kepada satu soalan lain beliau berkata, nasihatnya agar tidak berlaku pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO sudah menjadi se-

■Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UMNO tidak akan berpecah - Dr. M

U.M. - 7 SEP 1993

jarah sekarang kerana ahli-ahli parti beranggapan demokrasi memberi mereka hak untuk menolak nasihat tersebut.

"Mereka (ahli-ahli UMNO) beranggapan nasihat itu tidak begitu demokratik bagi mereka," ujarnya.

Perdana Menteri juga menolak tanggapan bahawa para pemimpin UMNO kini terlalu banyak menumpukan perhatian kepada kempen menjelang pemilihan parti itu sehingga melupakan tugas masing-masing di dalam kerajaan.

Katanya, para pemimpin UMNO tetap tidak melupakan tugas masing-masing di dalam kerajaan kerana mereka juga sentiasa menunjukkan minat yang mendalam seperti soal inflasi dan pertumbuhan ekonomi.

Dr. Mahathir juga memberitahu, laporan yang diterima oleh Ibu Pejabat UMNO menunjukkan mesyuarat-mesyuarat di peringkat cawangan serta bahagian-bahagian Pergerakan Pemuda dan Wanita berjalan lancar walaupun berlaku sedikit perkara yang tidak diingini.

Katanya, perkara-perkara yang tidak diingini berlaku kerana terdapat penyokong calon-calon yang bertanding membuat pelbagai tuduhan terhadap calon yang mereka tidak sokong.

"Perbuatan seperti itu boleh menjejaskan imej parti. Oleh itu, saya menasihatkan mereka supaya tidak berkempen secara itu, tetapi berkempenlah secara bersih dan demokratik," katanya.

Sambil mengingatkan anggota UMNO supaya mengelakkan ketegangan ketika berkempen, beliau berkata, mereka harus menerima semua keputusan yang dibuat secara demokratik kerana dalam setiap pertandingan sudah pasti ada yang menang dan ada yang kalah.

Mengenai Persidangan Perwakilan Bahagian yang akan bermula 9 September ini, Perdana Menteri berkata, persediaan untuk persidangan tersebut berjalan lancar.

Tuduhan

Katanya, beliau pada asasnya berpuashati walaupun masih berlaku beberapa perkara yang tidak diingini termasuk perbuatan penyokong-penyokong calon tertentu membuat pelbagai tuduhan ke atas calon lain yang mereka tidak sokong.

"Perbuatan sedemikian boleh jejas imej parti...jadi saya nasihatkan mereka yang melakukannya agar berkempen secara bersih dan demokratik," tegasnya.

Beliau menambah, setiap calon yang bertanding perlu menerima keputusan yang dibuat oleh ahli-ahli UMNO kerana menang dan kalah dalam pertandingan adalah perkara biasa.

Dr. Mahathir juga berharap nasihatnya itu dapat diterima oleh semua pihak agar kempen yang dijalankan tidak menjadi terlalu tegang.